

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh mana kesedaran pengguna menggunakan aplikasi Meditag Checker sebagai salah satu langkah bagi mengelak pengguna tertipu dengan ubat-ubatan import yang tidak berdaftar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Semua produk farmaseutikal yang ingin dijual di Malaysia perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum boleh dipasarkan kepada pengguna. Ini termasuk produk kesihatan yang dikilangkan dalam negara dan produk yang diimport. Produk berdaftar mempunyai nombor pendaftaran MAL dan pelekat label keselamatan hologram.

**Hologram Meditag™** merupakan satu pelekat keselamatan yang telah digunakan bermula tahun 2005 bagi memastikan ketulenan sesuatu produk farmaseutikal. Sehingga kini, aplikasi **Meditag Checker™** telah dimuat turun lebih daripada 10,000 kali oleh pengguna.

Selaras dengan perkembangan sains dan teknologi, bermula 1 September 2019, KKM telah memperkenalkan satu pembaharuan di mana

## SOALAN NO : 12

pengguna boleh menyemak ketulenan label keselamatan hologram baharu yang diberi nama **FarmaTag™** pada produk ubat berdaftar menggunakan aplikasi **Farma Checker™**. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma dari *Google Playstore* dan *Apple Playstore*.

KKM sentiasa komited untuk terus memperkasakan pengguna mengenai penggunaan ubat secara berkualiti dan selamat dengan mengadakan program kesedaran dan penggunaan aplikasi pintar. Pengguna sentiasa dinasihatkan untuk membeli produk-produk kesihatan yang berdaftar dengan KKM dan mempunyai label keselamatan hologram yang tulen pada produk.

Kementerian juga menjalankan pelbagai usaha pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai penggunaan produk kesihatan berdaftar melalui pameran, dialog awam, ceramah dan Kempen Kenali Ubat Anda serta "Duta Kenali Ubat Anda" yang telah dijalankan di seluruh negara. Melalui kempen tersebut, maklumat berkaitan produk Kesihatan, kecantikan dan ubat-ubatan berdaftar disampaikan kepada pelbagai golongan masyarakat untuk menyedarkan masyarakat supaya lebih berhati-hati semasa membeli produk kesihatan di pasaran.

Sebarang aduan dan maklumat berkenaan produk-produk kesihatan yang meragukan boleh disalurkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang berdekatan melalui talian 03-7841 3200 bagi membantu Kementerian membanteras penjualan produk-produk tidak berdaftar yang boleh memudaratkan bagi melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang awam.

Sekian, terima kasih.